



Siaran Akhbar

AMBD MENERIMA ROMBONGAN PERDAGANGAN DARI UNITED KINGDOM

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), baru-baru ini, menerima rombongan perdagangan dari United Kingdom. Lawatan ini adalah merupakan kesinambungan dari Forum Perkhidmatan Kewangan di antara United Kingdom dan Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan di United Kingdom pada bulan Januari tahun ini.
2. Rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam pada 22 dan 23 Mei 2017 ini, telah berbincang dan bertukar-tukar pengalaman dengan AMBD mengenai dengan pembangunan Pasaran Modal di Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom, termasuk di dalam bidang Kewangan Islam.
3. Ini adalah sebahagian daripada usaha pihak AMBD untuk merealisasikan pelan strategik pembangunan kewangan Negara Brunei Darussalam seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan yang baru dilancarkan.
4. Sebahagian daripada perbincangan itu juga telah memberi tumpuan kepada pengalaman dan peluang-peluang dalam Sektor Kewangan Islam di United Kingdom, merujuk kepada architecture kewangan Islam dan perkembangan dalam regulatori dan perundangan di sana.
5. Rombongan Perdagangan dari United Kingdom ini telah diketuai oleh Stella Cox, Pengerusi Kumpulan Penasihat Pasaran Kewangan Islam di TheCityUK, sebuah badan perkhidmatan kewangan professional yang mempromosikan perkhidmatan kewangan United Kingdom dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Sya'ban 1438/24 Mei 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3